

19/12/1997

(Kalau kail panjang sejengkal)

Mzali

SALAM Joran.

Seorang rakan yang mengunjungi sebuah kolam memancing di Kuala Selangor baru-baru ini merungut kerana keadaan persekitaran tempat memancing terlalu kotor.

Sampah sarap, beg plastik, tin dan botol minuman termasuk minuman keras ada di sana-sini yang menyakitkan mata apabila dipandang.

Malah ada kaki pancing yang `yam-seng' di tepi kolam tanpa mempedulikan pemancing lain yang ada di sekitarnya. Rakan berkenaan yang kebetulan membawa seorang rakan (Mat Salleh), malu bukan kepalang kerana keadaan berkenaan.

Malah ketika pulang, rakannya (Mat Salleh) menegur sikap masyarakat di negara ini yang pengotor! "Kenapa banyak sangat plastik dan sampah di tempat berkenaan." tanyanya.

Rakan saya itu hanya menggeleng-gelengkan kepala. Dia hanya pengunjung ke kolam berkenaan yang turut dikenakan bayaran masuk (agak mahal). Tetapi, dia terpaksa menanggung malu kerana rakannya (Mat Salleh) seolah-olah menganggap rakyat Malaysia termasuk dirinya sebagai pengotor!

Saya rasa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menegur sikap pengotor beberapa bulan lalu, tetapi nampaknya kesannya hanya hangat-hangat tahi ayam.

Selepas sahaja teguran PM itu macam-macam langkah dilaksanakan termasuk menangkap dan mendenda mereka yang membuang sampah di merata tempat. Tapi kini soal sampah sarap sepi dan terus berlaku di mana-mana sahaja kerana PM tak tegur lagi!

Janganlah macam ni kawan. Niaga ... niaga juga tapi hormatilah tetamu anda. Mungkin kolam berkenaan sudah popular sehingga pemiliknya tidak risau pengunjung akan lari ke kolam lain tetapi ingat anda menjual nama buruk Malaysia kepada orang luar!

Selamat memancing.

(END)